

BERITA HARIAN

DATE: 30/7/2008

Perpaduan nasional diutamakan

BH - 30/7/2008

Najib mahu perbincangan Umno, Pas tumpu kepentingan Melayu, Islam

Laporan dari

Ismail Mat
di Zambia



LUSAKA: Sebarang perbincangan mengenai perpaduan orang Melayu perlu selari dengan usaha mengukuhkan perpaduan nasional, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perbincangan mengenai perpaduan Melayu dan Islam tidak sepatutnya dibuat untuk kepentingan

yang eksklusif.

“Saya fikir kita perlu bergerak selangkah demi langkah. Kita tidak boleh berlari sebelum kita boleh berjalan,” katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatannya ke Zambia sempena Dialog Antarabangsa Global Selatan Afrika (GSAID) 2008 di sini, semalam.

Beliau mengulas cadangan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya Umno dan Pas dibubarkan dengan ahli kedua-dua parti itu menyertai parti ba-

ru yang berlandaskan Islam, dalam usaha menyatukan orang Melayu.

Ekoran cadangan Nik Abdul Aziz itu, Umno Perak kelmarin mengajak Pas bergabung bagi menubuhkan kerajaan negeri dengan wakil Pas akan terus menjadi Menteri Besar.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali, berkata tawaran itu permulaan ke arah merealisasikan saranan Nik Abdul Aziz.

Najib yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, ada-

lah lebih baik kedua-dua parti berbincang permasalahan yang dihadapi umat Islam di Malaysia bagi melindungi kepentingan ummah.

“Usaha sedemikian, tidak hanya menyumbang kepada perpaduan umat Islam, tetapi juga perpaduan negara secara keseluruhannya bagi mencerminkan semangat toleransi antara kaum di Malaysia yang sudah terkenal selama ini,” katanya.

Mengenai lawatannya ke beberapa negara bermula di Zambia, Najib berkata, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi berasakan adalah penting bagi beliau menjalin hubungan rapat di pentas antarabangsa sebelum peralihan kuasa dalam kepimpinan kerajaan dan parti.

Beliau berkata, Perdana Menteri juga dapat memberi tumpuan bagi menyelesaikan isu domestik yang menjadi perhatian kerajaan sebelum peralihan kuasa.

Mengikuti pelan peralihan kuasa itu, Abdullah yang juga Presiden Umno akan menyerahkan kepemimpinan parti itu kepada Najib pada Jun 2010.